

Headline	Tanggung diskau penggunaan elektrik		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	08 Aug 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	35
ArticleSize	470 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,391		



- KWIE, Kementerian Kewangan, TNB

Tanggung diskau penggunaan elektrik

KUALA LUMPUR: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) berkata sumber dana bagi menampung pemberian diskau penggunaan elektrik yang diumumkan dalam Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) adalah daripada dana Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), Kementerian Kewangan dan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Jumlah keseluruhan kos pemberian diskau ini ialah sebanyak RM2.62 bilion.

KeTSA berkata demikian dalam jawapan bertulis bagi menjawab pertanyaan daripada Nor Azrina Surip (PH-Merbok) yang ingin tahu sumber dana bagi memberi subsidi dalam pemberian diskau penggunaan elektrik yang diumumkan dalam Paket PRIHATIN mengikut kategori penggunaan bulanan dan apakah kesan kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) apabila penggunaan elektrik dalam segmen domestik, segmen komersial dan industri berubah sepanjang tempoh PKP dan PKPB pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

Pada sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), penggunaan elektrik berkurangan bagi sektor perdagangan (komersial) dan sektor perindustrian.



(PKPB), penggunaan elektrik berkurangan bagi sektor perdagangan (komersial) dan sektor perindustrian.

“Secara purata, sektor perdagangan mencatatkan penurunan penggunaan elektrik sebanyak 31 peratus ma-

nakala sektor perindustrian mencatatkan penurunan sebanyak 47 peratus.

“Pengguna domestik pula menunjukkan peningkatan penggunaan elektrik secara purata 23 peratus berbanding sebelum PKP apabila

pengguna berada di rumah untuk jangka masa yang lama dan menggunakan lebih banyak peralatan elektrik daripada kebiasaan,” katanya.

KeTSA berkata, perubahan penggunaan elektrik dalam tempoh PKP berlaku apabila

PADA sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), penggunaan elektrik berkurangan bagi sektor perdagangan (komersial) dan sektor perindustrian.

majoriti sektor industri dan komersial ditutup, menyebabkan jualan elektrik oleh TNB menurun kepada RM3.4 bilion secara purata bagi bulan April hingga Jun berbanding RM3.8 bilion sebelum tempoh PKP. – Bernama

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
CIMB - Economic & Industry News (CIMB - Economy News)	1	0	RM 0
Ministry of Energy and Natural Resources (Ministry of Energy and	1	0	RM 0
Ministry of Finance - Malaysia News (Ministry of Finance - Malaysia	1	0	RM 0
Ministry of Finance (Ministry of Finance)	2	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pertubuhan Berita Nasional	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	6	0	RM 0